

99 Speedmart Salur RM500,000 Kepada Yayasan Toh Puan Zurina Untuk Rawatan Dialisis Percuma



13 APRIL 2025



Lagi Artikel dari

Refleks



99 Speedmart Salur RM500,000 Kepada Yayasan Toh Puan Zurina Untuk Rawatan Dialisis Percuma

Pasar raya serbaneka, 99 Speedmart, terus memperkukuh komitmennya terhadap kesihatan komuniti melalui penyaluran sumbangan berjumlah RM500,000 kepada Yayasan Toh Puan Zurina (YTPZ) bagi tempoh lima tahun akan datang sehingga 2030, bagi menyokong pelbagai inisiatif kebajikan dan program kesihatan komuniti termasuk membolehkan golongan sasaran mendapatkan rawatan dialisis secara percuma di yayasan tersebut.

Ketua Pegawai Operasi 99 Speedmart, Yong Eng Kwang, berkata inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan syarikat dalam memperkasa kesejahteraan masyarakat serta memberi impak positif kepada golongan yang memerlukan, selaras dengan komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat. Majlis simbolik penyerahan replika cek telah diadakan di Yayasan Toh Puan Zurina, Melaka, dan disempurnakan oleh Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

YTPZ turut merakamkan penghargaan atas sumbangan yang diberikan, yang sekali gus boleh memberi manfaat besar kepada komuniti setempat, khususnya pesakit yang memerlukan rawatan kesihatan berterusan.